



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545
Faks : 03-8889 5542
Web : anhisham@moh.gov.my

KKM.600-29/4/146 Jld.11 (6)

3 Mac 2021

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4/2021

PELAKSANAAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai polisi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pandemik COVID-19 telah berlarutan lebih setahun, walaupun pelbagai langkah pencegahan dan kawalan yang dijalankan, kita masih belum berjaya menghentikan penularan jangkitan COVID-19. Ini dialami bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Kewujudan vaksin Covid-19 memberi harapan baharu dalam usaha kita menangani pandemik tersebut.

2.2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dilaksanakan dengan objektif berikut:

- i. Melindungi petugas barisan hadapan daripada jangkitan COVID-19 untuk memastikan sistem kesihatan dan keselamatan pada tahap yang optima;

- ii. Melindungi populasi Malaysia yang berisiko tinggi daripada mortaliti dan morbiditi akibat jangkitan COVID-19;
- iii. Membentuk perlindungan kelompok dalam kalangan populasi Malaysia bagi membolehkan sektor ekonomi beroperasi; serta
- iv. Mengawal wabak dalam kawasan berisiko tinggi bagi mengurangkan transmisi jangkitan COVID-19 dalam komuniti.

3. PELAKSANAAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

- 3.1 Semua penduduk di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, termasuk bukan warganegara yang tinggal di Malaysia adalah layak menerima vaksin COVID-19 secara percuma sepanjang tempoh pandemik.
- 3.2 Bekalan vaksin terhad di peringkat global, maka bekalan akan diterima oleh negara secara berperingkat. Oleh itu, pemberian vaksin juga harus dibuat secara berperingkat. Penentuan keutamaan dibuat berdasarkan risiko pendedahan kepada jangkitan COVID-19 dan risiko mengalami komplikasi jangkitan COVID-19.
- 3.3 Pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 akan dijalankan secara berfasa seperti berikut:

- i) **Fasa 1:** (dijangka dilaksanakan Februari 2021 – April 2021)

Keutamaan diberi kepada anggota perubatan dan kesihatan kerajaan dan swasta yang menguruskan pesakit secara langsung, bagi memastikan sistem kesihatan boleh terus berfungsi dengan cekap dan berkesan. Ini diikuti dengan anggota barisan hadapan lain dari pelbagai agensi.

- ii) **Fasa 2:** (dijangka dilaksanakan April 2021- Ogos 2021)

Kumpulan dalam bidang pekerjaan yang turut berisiko untuk terdedah kepada jangkitan COVID-19 yang tidak dapat diberikan vaksin dalam Fasa 1 akan dimasukkan dalam Fasa 2.

Dalam Fasa 2, tiga (3) golongan yang berisiko untuk mendapat komplikasi sekiranya dijangkiti COVID-19 turut akan diberikan vaksin COVID-19. Ini bagi menurunkan kadar morbiditi dan mortaliti di samping dapat mengurangkan beban kepada sistem kesihatan di Malaysia.

Kumpulan sasaran:

- a) Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas
- b) Individu yang mengalami penyakit kronik
- c) Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

iii) **Fasa 3:** (dijangka dilaksanakan Mei 2021 – Feb 2022)

Pemberian vaksin COVID-19 diperluaskan kepada semua penduduk bagi memastikan 70-80% populasi di Malaysia menerima vaksin, untuk mencapai imuniti kelompok. Ini akan membolehkan sektor ekonomi kembali pulih dan rancak.

Keutamaan diberikan kepada mereka yang berada di kawasan kluster berisiko tinggi melalui penilaian risiko bagi mengawal penularan penyakit.

- 3.4 Semasa fasa pertama, pemberian vaksin akan diberikan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang melibatkan fasiliti kerajaan termasuk fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Kementerian Pertahanan Malaysia, Hospital Universiti dan beberapa hospital swasta terpilih. Semasa fasa kedua dan ketiga, PPV akan diperluaskan, iaitu melibatkan fasiliti swasta, fasiliti awam dan lain-lain fasiliti yang akan ditentukan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.5 Hanya vaksin yang telah diluluskan pendaftaran atau diberi pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sahaja yang akan digunakan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.

- 3.6 Jenis vaksin yang akan diberi kepada penerima vaksin adalah berdasarkan bekalan yang diterima oleh sesuatu Pusat Pemberian Vaksin.
- 3.7 Sekiranya seseorang penerima vaksin tidak sesuai untuk menerima vaksin yang tersedia di Pusat Pemberian Vaksin kerana terdapat kontraindikasi, penerima tersebut akan dijadualkan untuk menerima vaksin COVID-19 dari jenis berlainan yang sesuai apabila bekalan diterima kelak.
- 3.8 Bilangan dos yang perlu diberi kepada seseorang penerima vaksin dan tempoh jarak di antara dos adalah bergantung kepada jenis vaksin.
- 3.9 Penilaian kesesuaian penerima vaksin perlu dibuat sebelum penerima tersebut diberikan sesuatu jenis vaksin COVID-19. Buat masa ini, hanya vaksin COMIRNATY keluaran Syarikat Pfizer-BioNTech sahaja yang telah diluluskan pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Bagi vaksin COMIRNATY, saranan Panel Pakar Perubatan adalah seperti di **Lampiran 1**. Senarai vaksin yang telah diluluskan pendaftaran di Malaysia dan akan digunakan, akan disemak semula dari semasa ke semasa.
- 4.0 Setiap penerima vaksin perlu diberi **Maklumat Vaksin COVID-19 Bagi Penerima Vaksin** mengikut jenis vaksin yang tersedia di Pusat Pemberian Vaksin. Setelah menerima penerangan dari petugas dan setelah memahami maklumat tersebut, penerima vaksin perlu memberi persetujuan penerimaan vaksin secara bertulis dengan menandatangani **Borang Persetujuan Suntikan Vaksin COVID-19 (Lampiran 2)**.

4. TINDAKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

- 4.1 Pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 adalah berdasarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin COVID-19 Untuk Anggota Kesihatan (Edisi 1, Februari 2021)** seperti di **Lampiran 3**.

4.2 Pengurusan produk vaksin COVID-19 pula adalah berdasarkan **Garis Panduan Pengurusan Produk Vaksin COVID-19 Di Fasiliti Kesihatan, Versi 1 Tahun 2021** yang telah disediakan oleh Program Perkhidmatan Farmasi, seperti di **Lampiran 4**.

4.3 Garis panduan di atas akan dipinda dari masa ke semasa mengikut perkembangan terkini.

5. **TARIKH BERKUATKUASA**

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

6. **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Bilik Gerakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
(beroperasi Isnin-Jumaat (tidak termasuk Cuti Umum),
9.00 pagi - 5.00 petang)

Pertanyaan berkaitan pelaksanaan pemberian imunisasi

Tel: 03-88833951

Emel: imunisasi@moh.gov.my

Pertanyaan berkaitan AEFI vaksin COVID-19

Tel: 03-7883 5400 ext 5457, 5447 atau 5445

Emel: mycovid.aefi@npra.gov.my

7. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi

SENARAI EDARAN

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan

Pengarah
Bahagian Kejururawatan

Pengarah
Bahagian Pengurusan Latihan

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan WP Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengarah
Pusat Darah Negara

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaya

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Putra Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sarawak

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Malaysia Sabah

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sains Islam Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Teknologi MARA

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa

Dekan
Fakulti Perubatan
Universiti Sultan Zainal Abidin